

PANDUAN DAN PERATURAN PEPERIKSAAN

Pelajar diminta mematuhi panduan dan peraturan peperiksaan seperti berikut:

1. Pastikan kad masuk peperiksaan (KMJP) dan Kad Kampus dibawa semasa peperiksaan.
2. Pakaian semasa menduduki peperiksaan mesti mematuhi **Etika Pakaian UKM**. Pelajar yang tidak mematuhi etika ini tidak akan dibenarkan memasuki Dewan Peperiksaan.
3. Berada di luar dewan peperiksaan sekurang-kurangnya 15 minit sebelum peperiksaan bermula.
4. Masuk ke dalam dewan secara aman dan teratur apabila diminta oleh petugas.
5. Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dewan selepas 30 minit peperiksaan bermula.
6. Barangan yang dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan :
 - i. KMJP
 - ii. Kad kampus
 - iii. Kad Pengenalan
 - iv. Alat tulis
 - v. Kalkulator
 - vi. Bekas pencil yang lutsinar
7. Stapler dan barang berharga (seperti beg duit) tidak dibenarkan dibawa masuk dalam dewan peperiksaan. Pihak PKP tidak bertanggungjawab di atas kehilangan barang berharga tersebut.
8. Telefon bimbit, buku, nota, makanan, minuman dan benda-benda lain tidak dibenarkan dibawa masuk dalam dewan peperiksaan. Sekiranya anda **TERBAWA** masuk **telefon bimbit**, **PASTIKAN** telefon bimbit tersebut berada dalam keadaan tidak berfungsi (tiada bateri, bateri diasingkan daripada telefon tersebut). Sekiranya ditemui telefon bimbit yang boleh berfungsi, Universiti akan mengenakan tindakan tatatertib kepada pelajar.
9. Tidak dibenarkan menulis apa-apa nota pada KMJP
10. Mengambil tempat duduk mengikut nombor meja yang tercatat pada KMJP.
11. Mengisi borang kehadiran dan letakkan di sebelah atas kanan meja bersama KMJP dan Kad Kampus.
12. Pelajar tidak diibenarkan keluar meninggalkan dewan dalam tempoh 30 minit selepas peperiksaan bermula dan 15 minit sebelum peperiksaan tamat.
13. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar sekiranya melanggar peraturan peperiksaan yang ditetapkan iaitu:
 - i. tidak mematuhi arahan di atas
 - ii. mengganggu perjalanan peperiksaan
 - iii. meniru, mengelat atau membolehkan pelajar lain meniru/mengelat
 - iv. membawa telefon bimbit yang berfungsi ke dalam dewan peperiksaan
14. Apabila pengumuman tamat masa peperiksaan, sila
 - i. berhenti menulis
 - ii. ikat semua buku/kertas jawapan
 - iii. letakkan buku/kertas jawapan di tempat yang diarahkan
 - iv. tinggalkan segala bahan-bahan yang dibekalkan
 - v. keluar meninggalkan dewan dengan aman dan teratur

Soalan dan buku jawapan tidak dibenarkan dibawa keluar dari dewan peperiksaan.

Tidak hadir peperiksaan kerana terlupa atau kesilapan sendiri

Senat Universiti telah menetapkan sekiranya seseorang pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan kerana terlupa atau kerana kesilapannya sendiri hendaklah dianggap gagal dalam peperiksaan tersebut dan tidak diberi peluang mengambil peperiksaan khas sebagai gantinya.

Kesalahan semasa peperiksaan

Pelajar tidak boleh:-

- (1) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
- (2) menulis, atau telah menulis melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;
- (3) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (4) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

Hukuman tatatertib

Seseorang pelajar yang didapati melakukan suatu kesalahan tatatertib semasa peperiksaan dan sekiranya didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:

(1) Hukuman di bawah Kaedah – kaedah Tatatertib Pelajar

- (i) amaran;
- (ii) denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
- (iii) dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (iv) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (v) dipecat dari Universiti.

(2) Hukuman tambahan yang diputuskan oleh Senat UKM

- (i) Diberi taraf gagal bagi kertas berkenaan;
- (ii) Digantung pengajian selama satu semester (semester berikutnya).